



**Manuscript Title:** Peranan Perwakilan Substantif Ahli Parlimen Wanita dalam Parlimen Malaysia  
Ke-13

**Authors:** Rosyidah Muhamad, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan & Nazli Aziz

**Accepted Date:** 09-Septemer-2021

**Please cite this article as:** Rosyidah Muhamad, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan & Nazli Aziz. 2021. (Peranan perwakilan substantif ahli parlimen wanita dalam Parlimen Malaysia Ke-13. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

*Kajian Malaysia (early view)*

**PERANAN PERWAKILAN SUBSTANTIF AHLI PARLIMEN WANITA  
DALAM PARLIMEN MALAYSIA KE-13  
*THE ROLE OF SUBSTANTIVE REPRESENTATION OF WOMEN  
PARLIAMENTARIANS IN THE 13th MALAYSIAN PARLIAMENT***

**Rosyidah Muhamad<sup>1\*</sup>, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan<sup>2</sup> and Nazli Aziz<sup>1,3</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia  
Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

<sup>2</sup>Department of International Affairs, Scholl of International Studies (SoIS),  
Universiti Utara Malaysia, MALAYSIA

<sup>3</sup>Centre for Ocean Governance, Institute of Oceanography and Environment,  
Universiti Malaysia Terengganu, MALAYSIA

\*Corresponding author: rosyidah@umt.edu.my

**ABSTRACT**

*This study analyses substantive role of women parliamentarians in the House of Representatives of the 13th Malaysian Parliament from 2013–2017. Previous studies conducted in the West have shown that women parliamentarians are more*

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2021. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

*Rosyidah Muhamad et al.*

*responsive to women's interests than male parliamentarians. However, women participation in the policy-making as the legislators are low and not achieved the quota that has been set up in Malaysia. The number of women parliamentarians do not reflect the number of women voters that are higher than the male voters either. The aim of this study is to analyse to what extent the role of women Parliamentarians represent the women issues using Hanna Pitkin's theory of representation (1967) and Anne Philips's politics of presence (1998). This study uses qualitative approach through the content analysis to examine the Parliament Hansard and interviews with the women parliamentarians. The result indicates that the women Parliamentarians were 10.36 percent in the House of Representatives but they raised the women's issues higher than the male parliamentarians. This shows that the women parliamentarians had able to impact the policy-making with a small number in Malaysia.*

*Keywords: Malaysia Parliament, substantive representation, women parliamentarians, women issue*

## **ABSTRAK**

*Kajian ini menganalisis peranan substantif ahli Parlimen wanita dalam mewakili isu wanita di Dewan Rakyat dalam Parlimen Malaysia ke-13 dari tahun 2013 hingga 2017. Kajian lepas di negara barat menunjukkan ahli Parlimen wanita lebih responsif terhadap kepentingan wanita berbanding ahli Parlimen lelaki.*

*Namun begitu di Malaysia, penyertaan wanita dalam pembuatan keputusan sebagai penggubal undang-undang masih rendah dan tidak mencapai kuota yang ditetapkan. Jumlah ahli Parlimen wanita juga tidak menggambarkan jumlah pengundi wanita yang melebihi pengundi lelaki. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis sejauh mana peranan ahli Parlimen wanita mewakili isu wanita dengan berdasarkan teori perwakilan oleh Hanna Pitkin (1967) dan politik kehadiran oleh Anne Philips (1998). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis bagi mengkaji Penyata Rasmi Parlimen dan temu bual bersama ahli Parlimen wanita. Hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah ahli Parlimen wanita hanya 10.36 peratus di Dewan Rakyat tetapi kekerapan mereka membangkitkan isu-isu wanita lebih tinggi daripada ahli Parlimen lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa ahli Parlimen wanita mampu memberikan impak dalam pembuatan dasar walaupun dengan bilangan mereka yang kecil di Malaysia.*

Kata kunci: Parlimen Malaysia, perwakilan substantif, ahli parlimen wanita, isu wanita

## **PENGENALAN**

Teori perwakilan merujuk kepada semua rakyat perlu diberikan hak yang sama rata untuk terlibat dalam politik tanpa mengira jantina, kaum dan agama. Di Malaysia, penyertaan wanita dalam arena politik telah diiktiraf dan menunjukkan peningkatan (Ummu Atiyah dan Zaireeni, 2017). Pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), telah berlaku peningkatan bagi bilangan pencalonan wanita iaitu sebanyak 10.24% atau seramai 239 orang berbanding dalam PRU-13 iaitu 168 orang (8.8%). Bilangan calon wanita yang terpilih di Dewan Rakyat juga meningkat iaitu daripada 23 orang pada PRU-13 kepada 32 orang pada PRU-14 ([www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my), 2019). Pelantikan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Wan Azizah Wan Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) wanita pertama Malaysia selepas memenangi Pilihan Raya ke 14 pada tahun 2018, turut membuktikan bahawa penyertaan wanita dalam pentadbiran negara telah diiktiraf.

Namun begitu, kedudukan penyertaan wanita dalam Parlimen Malaysia khususnya di Dewan Rakyat masih sangat rendah berbanding lelaki. Pada PRU-13, jumlah pengundi wanita dan lelaki masing-masing ialah 6,664,474 orang (50.23%) dan 6,603,528 orang (49.77%) (Sinar Harian, 2013). Jumlah calon mengikut jantina yang bertanding bagi merebut 222 kerusi di Dewan Rakyat

dalam PRU-13 terdiri daripada 523 orang calon lelaki dan hanya 56 orang calon wanita. Sementara itu dalam PRU-14, jumlah pengundi wanita yang berdaftar adalah sebanyak 50.58% dengan jumlah keseluruhan yang keluar mengundi adalah sebanyak 82.32% (Utusan Borneo Online, 2018). Jumlah ini menunjukkan golongan pengundi wanita adalah melebihi jumlah pengundi lelaki. Walau bagaimanapun, perwakilan ahli Parlimen wanita di Parlimen Malaysia tidak seimbang dengan bilangan pengundi wanita yang lebih tinggi daripada pengundi lelaki.

Malaysia masih belum mencapai kuota perwakilan wanita sebanyak 30% dalam politik secara rasmi seperti ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Nor Rafidah et al., 2017). Kekurangan peratusan wanita pada peringkat pembuatan keputusan politik memberikan gambaran bahawa terdapat isu ketaksamaan dan pemeraksanaan gender dalam politik di Malaysia; justeru, ahli Parlimen wanita merupakan pemangkin untuk agenda pemeraksanaan wanita. Kehadiran ahli Parlimen wanita dalam politik adalah penting untuk mewakili suara kaum wanita. Pitkin (1967) menyatakan perwakilan substantif merupakan perwakilan yang mewakili kepentingan golongan yang mereka wakili dan bertindak balas berasaskan kepentingan tersebut. Oleh itu, perwakilan wanita sangat signifikan untuk menyuarakan isu-isu dan mewakili kaum wanita. Dengan kata lain, perwakilan wanita boleh membuat advokasi isu-isu wanita dengan lebih baik atas pengalaman dan nilai yang dikongsi sebagai wanita.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tingkah laku ahli Parlimen wanita dalam Dewan Rakyat bermula dari 2013 hingga 2017 iaitu bagi Parlimen Malaysia ke-13. Persoalan utamanya ialah sejauh manakah ahli Parlimen wanita mampu membuat perubahan dalam agenda politik secara substantif dalam konteks “bersama-sama dalam” (*stand for*) dan “bertindak untuk” (*act for*) bagi isu-isu wanita seperti yang dibahaskan oleh Pitkin. Asas penghujahan ini ialah ahli Parlimen wanita lebih prihatin dan serius terhadap isu-isu wanita berbanding dengan ahli Parlimen lelaki. Terminologi “isu wanita” dalam kajian ini berdasarkan kepada kajian-kajian lepas oleh Ummu Atiyah (2019, 2010), Childs dan Krook (2009) dan Reingold (2000) iaitu isu-isu yang berkait rapat dengan kehidupan wanita, keluarga dan kanak-kanak.

## **PERWAKILAN WANITA DI PARLIMEN**

Terdapat pelbagai peratusan perwakilan wanita dalam pembuatan dasar pada peringkat nasional. Negara-negara di Eropah seperti Finland menunjukkan statistik yang tinggi iaitu hampir 45% daripada perwakilan di parlimen adalah wanita; manakala negara seperti Brazil dan Hungary masih gagal untuk memenuhi kuota wanita sebagai pengubal undang-undang iaitu hanya 10% perwakilan wanita dalam parlimen (Schwindt-Bayer & Squire, 2014). Menurut Inter Parliamentary Union (IPU), pada tahun 2020, perwakilan wanita dalam

parlimen secara global hanya berjumlah 24.9% sahaja (IPU, 2020). Bersandarkan teori perwakilan demokrasi yang menyentuh mengenai inklusif dan perwakilan bagi seluruh rakyat, jumlah peratusan ini berada pada tahap kritikal. Persoalan yang sering timbul ialah tentang punca yang menyebabkan wanita tidak dicalonkan dan tidak terpilih sebagai perwakilan di parlimen kebanyakan negara. Kebanyakan kajian lepas menyentuh mengenai budaya sesebuah negara seperti tradisi keagamaan dan stereotaip terhadap wanita. Faktor keagamaan yang bersifat patriarki dan stereotaip wanita sebagai lemah merupakan penghalang bagi wanita untuk terpilih sebagai wakil rakyat di parlimen (Tremblay 2007; Norris, P. & Inglehart, R., 2001; Sumbas, 2020). Kajian oleh Sumbas (2020) di Turki menunjukkan kekurangan ahli Parlimen wanita dalam Parlimen Turki adalah berpunca daripada budaya yang menjadi sebagai faktor utama. Wanita Turki hidup dalam budaya patriarki yang kuat dan kebergantungan kewangan mereka terhadap golongan lelaki memberikan kesan dalam sistem politik negara tersebut. Sumbas (2020) menyatakan bahawa faktor budaya ini bukan sahaja penghalang kepada wanita untuk dicalonkan sebagai perwakilan dalam pilihan raya tetapi juga dalam parti politik. Di Malaysia, situasi yang sama turut berlaku dan ia dibuktikan melalui kajian oleh Nor Rafidah et al. (2017) dan Zaireeni (2020) yang menyatakan bahawa faktor budaya patriarki sangat menonjol di Malaysia. Masyarakat Malaysia lebih mementingkan budaya Timur yang mengutamakan lelaki dalam hal berkaitan kepimpinan dan pentadbiran.



*Rosyidah Muhamad et al.*

Aspek sosioekonomi turut mencorakkan penglibatan wanita dalam politik. Negara-negara maju yang memiliki ramai wanita berpendidikan tinggi dan berpengalaman kerja berpotensi untuk mempunyai ramai pembuat dasar dalam kalangan wanita (Kenworthy & Malami, 1999). Apabila wanita mempunyai status pendidikan tinggi yang sama dengan lelaki, mereka dianggap sama taraf dengan golongan itu dalam arena politik. Kedudukan dan taraf sosioekonomi yang stabil serta tinggi dalam sesebuah negara menyebabkan golongan wanita mampu untuk menggunakan teknologi dalam menguruskan rumah tangga. Mereka juga menggunakan pembantu rumah untuk menguruskan anak-anak. Oleh itu, golongan wanita mempunyai masa untuk menumpukan perhatian dan terlibat dalam politik (Paxton & Hughes, 2007).

Walau bagaimanapun, sesetengah kajian merujuk kepada bagaimana pengundi yang mempunyai sosioekonomi rendah mampu untuk mempengaruhi keputusan pengundian berikutan mereka dibiayai oleh calon yang mempunyai sumber ekonomi yang tinggi (Aspinall, 2014; Shin, 2016). Kajian yang dilakukan di Malaysia juga menunjukkan bahawa status sosioekonomi menjadi salah satu faktor penghalang bagi wanita untuk terlibat dalam kepimpinan politik. Sumber kewangan merupakan elemen yang penting terutama semasa berkempen. Mereka memerlukan sumber kewangan yang stabil bagi memastikan calon wanita berjaya dalam pilihan raya (Nor Rafidah et al., 2017).

Selain itu, peranan wanita dalam politik turut dipengaruhi oleh institusi politik yang menjadi penghalang kepada wanita untuk terlibat sebagai perwakilan politik. Banyak kajian lepas membahaskan tentang peluang yang diberikan oleh institusi politik kepada golongan wanita sehingga ia mempengaruhi mereka untuk menjadi perwakilan (Krook, 2010; Yoon, 2004). Hal ini demikian kerana kebanyakan parti politik tidak meletakkan kuota bilangan wanita bagi pencalonan dalam pilihan raya (Mohammad Agus et al., 2016; Prihatini, 2020). Penggunaan sistem kuota wanita dalam pencalonan pilihan raya boleh mengelakkan kelompangan dari segi jumlah perwakilan wanita dan seterusnya menguatkan legitimasi sistem politik (Henig & Henig, 2001).

Faktor ini agak menonjol di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Penglibatan wanita sebagai perwakilan di Malaysia masih lagi rendah walaupun terdapat ramai wanita dalam pentadbiran swasta dan awam. Malaysia hanya melaksanakan kuota sebanyak 30% dalam hal ehwal pentadbiran sahaja dan bukannya dalam sistem politik. Sejak Mei 2018, pemimpin wanita diberikan ruang sebanyak 30% untuk terlibat dalam urusan pentadbiran negara (Mohammad Agus et al., 2016). Pelaksanaan dasar ini telah memberikan peluang kepada wanita dalam pentadbiran dengan beberapa jawatan tinggi dan penting yang sebelum ini dimonopoli oleh lelaki telah berjaya disandang oleh wanita seperti naib canselor universiti awam, hakim, pegawai daerah dan pegawai tinggi polis serta tentera.

*Rosyidah Muhamad et al.*

Selain daripada perbincangan tentang penglibatan wanita dalam politik, persoalan mengenai impak yang dilakukan oleh ahli Parlimen wanita di parlimen juga dibincangkan dalam kajian lepas. Persoalan mengenai bilangan ahli politik wanita dan impak mereka dalam menggubal polisi bagi memartabatkan wanita turut dikaji. Banyak kajian lepas yang dilakukan di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan Jerman menganalisis peranan substantif perwakilan wanita dalam parlimen.

Kajian-kajian terdahulu secara asasnya telah menunjukkan perwakilan wanita mampu untuk memberikan impak dalam pembuatan polisi (Tremblay, 1998; Trimble & Arscott, 2003; Wanganerud, 2001; Fokum, 2020). Perwakilan wanita lebih menyokong hak-hak wanita, kesihatan, kebajikan, kanak-kanak dan keluarga (Dodson & Carroll, 1991; Kathlene, 1994; Reingold, 2000; Galligan & Clavero, 2008; Karine, 2014). Kajian yang dilakukan oleh Reynolds (1999) menunjukkan bahawa ahli politik wanita lebih bertindak balas mengenai hak-hak wanita dan menyatakan bahawa mereka mempunyai penyokong dalam kalangan pengundi wanita di konstituensi mereka. Mereka menganggap bahawa wakil rakyat wanita lebih layak untuk menguruskan isu-isu berkenaan wanita. Kajian yang dilakukan di India juga menunjukkan perwakilan wanita bukan sahaja menyokong isu-isu yang berkaitan golongan tersebut tetapi turut memperjuangkan isu-isu mewakili lelaki (Lindgren et al., 2009).

Konsep *critical mass* dan aktor kritikal juga dibincangkan dalam kajian lepas mengenai perwakilan wanita. Kajian-kajian ini memfokuskan konsep *critical mass* menjawab persoalan hubungan peranan diskriptif dan substantif. Mengikut Kernell (1977), sesebuah organisasi perlu mencapai kuota pekerja wanita sebanyak 30% bagi menghasilkan polisi yang baik dan berkualiti. Semakin kurang bilangan pekerja wanita, semakin kurang penghasilan polisi yang berkualiti dalam agenda pemerkasaan wanita. Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat oleh Dahlerup (2006) berkaitan ahli Parlimen wanita menunjukkan konsep *critical mass* kurang berkesan berbanding aktor kritikal yang diperlukan untuk menghasilkan polisi yang boleh memperkasa wanita. Celis, K. et al. (2008) menyatakan bahawa aktor kritikal diperlukan untuk perubahan substantif dalam pembuatan dasar yang prowanita oleh perwakilan wanita dalam parlimen. Mengikut Celis, K. (2008), aktor kritikal merujuk kepada ahli Parlimen wanita yang lantang bersuara secara individu atau berkumpulan untuk melakukan perubahan polisi yang prowanita.

Kajian oleh Ummu Atiyah (2019) menunjukkan aktor kritikal dalam kalangan perwakilan wanita mampu untuk membuat perubahan polisi dalam Parlimen Malaysia. Beliau merujuk kepada perwakilan wanita yang aktif dalam membawa isu-isu yang berkaitan dengan wanita tanpa mengira parti politik yang diwakili. Beliau merumuskan faktor pengalaman hidup wanita sama ada peribadi atau formal (pekerjaan) dan penglibatan aktif dalam Pertubuhan Badan Bukan

*Rosyidah Muhamad et al.*

Kerajaan (NGO), mampu mempengaruhi perwakilan wanita untuk menjadi aktor kritikal dalam parlimen. Dalam kajian Ummu Atiyah (2010) yang terdahulu mendapati ahli Parlimen wanita lebih tegas dan aktif berbanding ahli Parlimen lelaki dalam membahaskan isu-isu berkaitan dengan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada isu kanak-kanak sahaja.

Sharifah Syahirah (2010) dalam kajian beliau semasa PRU-12 menunjukkan terdapat peningkatan dari segi bilangan ahli Parlimen wanita sebagai wakil rakyat, namun hanya parti pembangkang yang lebih lantang bersuara dalam memperjuangkan hak-hak wanita. Mereka lebih menunjukkan *critical act* berbanding dengan ahli Parlimen kerajaan bagi aktiviti di luar Parlimen.

## **KERANGKA KAJIAN**

Kerangka kajian ini dibentuk dengan menggunakan konsep daripada teori perwakilan yang dibangunkan oleh Hanna Fenichel Pitkin (1967) dan teori politik kehadiran oleh Anne Philips (1998). Dua teori ini merupakan teori asas berkaitan perwakilan. Perwakilan politik ialah satu tindakan atau aktiviti yang menjadikan suara dan pandangan rakyat disampaikan dalam proses pembuatan dasar. Perwakilan politik terjadi apabila aktor bercakap, mencadangkan dan bertindak sebagai seorang wakil kepada rakyat dalam arena politik. Pitkin (1967) telah

menggariskan empat jenis konsep perwakilan iaitu perwakilan formal, simbolik, deskriptif dan substantif.

Perwakilan formal merujuk kepada pengaturan institusi yang menentukan proses perwakilan itu berlaku. Ianya melibatkan dua dimensi iaitu pemberian kuasa (authorization) dan akauntabiliti. Pemberian kuasa bermaksud cara perwakilan dipilih seperti melalui pilihanraya. Sementara itu, akauntabiliti pula ialah perwakilan yang diberikan hak untuk bertindak bagi golongan yang diwakilinya.

Perwakilan simbolik pula merujuk kepada kesan perwakilan tersebut mewakili golongan yang diwakili. Pitkin (1967) menjelaskan bahawa simbol-simbol yang digunakan oleh perwakilan sebagai tindakan mewakili itu tidak begitu penting berbanding kesan atau tindakbalas yang dirasai akibat simbol tersebut. Kurebwa (2015) mengatakan perwakilan simbolik tidak bersangkutan dengan siapa wakilnya atau apa yang mereka lakukan, tetapi ia berhubungan dengan cara mereka dilihat dan dinilai oleh mereka yang diwakili. Selalunya perwakilan simbolik banyak dimanipulasi oleh perwakilan.

Perwakilan deskriptif pula merujuk kepada perwakilan mewakili sesuatu kumpulan berdasarkan nilai karakter yang sama seperti gender, ras, etnik dan tempat tinggal. Ia harus mencerminkan komposisi yang diwakili dalam perkara-perkara penting. Ketiga-tiga jenis perwakilan ini dianggap bukan yang terbaik

*Rosyidah Muhamad et al.*

oleh Pitkin kerana ia tidak berhadapan dengan aspek yang penting iaitu apa yang berlaku ketika diwakili (Pitkin, 1967).

Menurut Pitkin (1969), perwakilan substantif adalah yang terbaik kerana ia merujuk kepada “aktiviti mewakili”. Ia terfokus kepada tindakan dan isu-isu yang diutarakan oleh perwakilan dan kepentingan yang diwakili dengan cara responsif terhadap hasrat mereka. Bagi Pitkin, ia satu perwakilan yang adil kerana melibatkan tindakan dan tanggungjawab yang spesifik. Dalam proses ini, ia perlu melibatkan hubungan dan rangkaian komunikasi antara wakil dengan yang diwakili. Tambahan lagi, semuanya ini mestilah sepadan dengan kehendak, keperluan dan minat orang yang diwakili. Pitkin juga menekankan perwakilan substantif merujuk kepada perwakilan yang responsif dengan meletakkan kepentingan ini pada peringkat yang paling utama. Konsep perwakilan jenis substantif dapat membantu untuk memahami peranan ahli Parlimen wanita yang mewakili golongan wanita dalam membawa isu wanita di parlimen.

Teori politik kehadiran oleh Anne Philips (1998) pula merujuk kepada kepentingan identiti seseorang aktor bagi menunjukkan kewujudannya dalam mewakili identitinya. Philips (1998) berpendapat bahawa kumpulan yang terpinggir semestinya perlu wujud dalam legislatif agar nasib kumpulan tersebut terbela. Menurut beliau, kekerapan kehadiran kumpulan terpinggir yang tinggi

seperti wanita adalah sangat penting bukan sahaja untuk mewakili kaum wanita tetapi mampu merubah sesuatu dasar demi kepentingan yang diwakilinya.

Ramai pengkaji politik telah menggunakan pelbagai pendekatan dalam mengkaji perwakilan wanita substantif. Ini termasuk juga mengaitkan dengan konsep 'critical mass' dan aktor kritikal. Teori perwakilan substantif dan teori kehadiran memberi kefahaman bagaimana perwakilan substantif itu terbentuk dan seterusnya ianya boleh dikaitkan dengan spesifik ahli parlimen wanita yang 'speak for' and 'act for' melalui konsep aktor kritikal. Idea berkaitan dengan aktor kritikal bermula daripada perbincangan 'critical mass'. Teori 'critical mass' merujuk kepada peningkatan bilangan wanita sebagai pembuat dasar mampu untuk membuat perubahan dalam pembuatan dasar yang selalunya di dominasi oleh golongan pembuat dasar lelaki (Dahlerup, D 2006; Kurebwa & Ndlovu, 2017). Walaupun terdapat peningkatan jumlah perwakilan wanita, ianya masih juga tidak mampu untuk memberi kesan dalam pembuatan dasar dan ini telah menyebabkan mereka dikritik (Dingler et al. 2019; Karpowitz et al. 2015). Malah peningkatan bilangan perwakilan wanita juga dilihat memberi ancaman kepada golongan pembuat dasar lelaki dan seterusnya meminggirkan golongan pembuat dasar wanita (Dahlerup, D, 2006). Walaubagaimanapun, adakala jumlah perwakilan wanita yang sedikit mampu membawa kepada perubahan dasar (Trimble, L. 1997, Ummu Atiyah, 2019).



*Rosyidah Muhamad et al.*

Oleh itu, kebanyakan pengkaji telah beralih daripada 'critical mass' kepada konsep aktor kritikal yang merujuk legislative bertindak secara individu atau berkumpul dalam membuat perubahan berkenaan polisi mesra wanita (Childs and Krooks, 2008). Childs and Krook (2008) membahaskan aktor kritikal adalah sangat penting dalam pembuatan dasar tanpa mengira jumlah bilangan pembuat dasar dalam institusi. Mereka bertindak di barisan hadapan dalam membela nasib wanita dalam institusi.

### **PERWAKILAN WANITA DI PARLIMEN MALAYSIA**

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Walau bagaimanapun, ramai pengkaji melabelkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem separa demokrasi dan separa autokratik iaitu tidak melaksanakan ciri-ciri demokrasi sepenuhnya (Case, 2001; Mustafa K.A, 2005; Rosyidah M., 2015). Sebelum PRU-14, Malaysia ditadbir oleh BN iaitu sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga 2018. Dari PRU-1 hingga PRU-14, pelbagai parti politik telah bertanding dalam pilihan raya. Bagaimanapun, BN mengawal Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan media massa, lalu menjadikan parti-parti politik pembangkang beroperasi dalam keadaan yang terhad (Rosyidah, M., 2015).

Sistem parlimen di Malaysia terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dewan Rakyat dianggotai oleh seramai 222 ahli dan setiap ahli mewakili satu kawasan parlimen. Ahli dipilih atas dasar sokongan ramai melalui pilihan raya yang diadakan pada setiap lima tahun. Parti yang memperoleh majoriti kerusi akan membentuk Kerajaan Persekutuan bagi mentadbir negara. Dewan Negara pula dianggotai oleh seramai 70 ahli yang bergelar senator dengan 26 daripadanya dipilih melalui pengundian oleh negeri iaitu dua senator mewakili setiap negeri; manakala pada peringkat Persekutuan, 44 ahli lagi dipilih dan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dewan Negara berfungsi untuk menilai kembali rang undang-undang dan meluluskan rang undang-undang yang dibawa naik oleh Dewan Rakyat. Kedua-dua dewan perlu meluluskan rang undang-undang yang dibuat sebelum dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong untuk perkenan baginda.

Kehadiran wanita dalam kedua-dua dewan tersebut masih lagi rendah. Berdasarkan PRU-14, perwakilan wanita di Malaysia adalah seramai 33 orang dan bilangan itu telah meletakkan Malaysia pada tangga ke-140 daripada 190 negara di dunia (Inter-Parliamentary Union, 2020). Kedudukan ini jauh lebih rendah berbanding dengan negara jiran seperti Indonesia yang berada di tangga ke-114, Singapura (80) dan Vietnam (63). Nor Rafidah et al. (2017) menyatakan bahawa wanita terus menjadi golongan 'under represented' dalam politik walaupun parti pemerintah telah memberikan harapan untuk menambah bilangan

calon wanita dalam pilihan raya. Hal ini dinyatakan dalam kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa jumlah perwakilan politik formal wanita di Malaysia jelas ketinggalan berbanding kaum lelaki (Rashila, R., 1998, 2008; Maznah, M., 2001; Ummu Atiyah, 2019; Ummu Atiyah & Zaireeni, 2017; Sharifah Shahirah, 2010).

Penglibatan wanita dalam aktiviti formal politik telah wujud sejak tahun 1945 lagi. Menurut Mohammad Agus et al. (2016), sebelum ini peranan wanita dalam politik hanya terhad untuk berkempen dan mengundi sahaja. Namun begitu pada tahun 1995, kurang daripada lima peratus wanita terlibat dalam politik secara formal dan bersaing sebagai calon bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Pertambahan ahli Parlimen wanita dalam Dewan Rakyat semenjak tahun 1959 hingga 2018 telah membuktikan bahawa penyertaan wanita dalam arena politik semakin meningkat.

Jadual 1 mengandungi statistik perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat dari tahun 1959 hingga 2018, yang telah menunjukkan peningkatan dari segi bilangan wanita sebagai ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, peningkatan tersebut berlaku agak perlahan. Secara purata, kenaikan peratusan bilangan ahli Parlimen wanita di Malaysia sejak PRU-1 hingga PRU-14 hanya pada kadar purata satu hingga empat peratus sahaja pada setiap penggal parlimen. Dalam pembentukan kabinet Malaysia, pelantikan menteri kabinet wanita juga

adalah rendah. Dalam barisan kabinet Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri yang terkini- Muhyidin Yassin, lima Menteri penuh wanita daripada 32 jumlah Menteri dan hanya empat Timbalan Menteri wanita daripada 37 jumlah Timbalan Menteri (JPM, 2021).

**Jadual 1: Statistik Wanita dalam Dewan Rakyat tahun 1959 hingga 2013**

Tahun	Dewan Rakyat	Bilangan kerusi	Bilangan wanita yang dicalonkan	Bilangan calon wanita yang dipilih	Peratus wanita
1959	1	104	4	3	2.88
1964	2	104	7	3	2.88
1969	3	144	4	2	1.38
1974	4	154	9	5	3.24
1978	5	154	11	7	4.54
1982	6	154	8	8	5.19
1986	7	177	7	7	3.95
1990	8	180	15	11	6.11
1995	9	192	25	15	7.81
1999	10	193	30	20	10.36
2004	11	219	34	23	10.50
2008	12	222	45	23	10.36
2013	13	222	56	23	10.36
2018	14	222	60	33	14.86

Sumber : Tan Pek Leng (2011); Ummu Atiyah & Zaireeni (2017), dan IPU (2020).

*Rosyidah Muhamad et al.*

Antara kementerian yang secara tradisi dikaitkan dengan ahli Parlimen wanita ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sejak penubuhannya pada tahun 2001, menteri bagi kementerian ini sentiasa dipegang oleh golongan wanita dari sayap parti UMNO, Pergerakan Wanita UMNO (Ummu Atiyah dan Zaireeni, 2017). Walaupun terdapat peningkatan jumlah wanita dalam parlimen dan pentadbiran negara, tetapi majoriti kepimpinan pusat dan jawatan tertinggi mana-mana parti-parti politik utama di Malaysia seperti UMNO, PAS, DAP, PKR masih lagi didominasi oleh golongan lelaki.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis dokumen (*content analysis*) dan temubual. Kaedah utama ialah analisis dokumen iaitu menganalisis dokumen Penyata Rasmi Parlimen (*Parliament Hansard*). Teknik ini merupakan satu teknik untuk membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari konteks data yang dikaji (Neuendorf, K, 2002). Disamping itu, teknik ini adalah teknik kajian yang telus kerana skema pengkodan dan prosedur persampelan boleh ditetapkan dengan jelas (Bowen, 2009). Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian komputer MAXQDA12. MAXQDA12 ialah perisian untuk membantu dan menyokong projek yang merangkumi kaedah kualitatif, kuantitatif dan kaedah campuran. Perisian ini membolehkan data diimport, disusun dan dianalisis secara elektronik.

Dewan Rakyat Ke-13 mempunyai enam penggal (2013–2018) dengan jumlah kesemua persidangan ialah 282 bagi lima penggal (2013–2017). Penggal keenam (2018) masih lagi berlangsung ketika kajian ini dijalankan. Oleh itu, penggal keenam tidak dipilih untuk pengekodan. Data dikategorikan mengikut penggal dan mesyuarat untuk memudahkan persampelan sistematik dijalankan. Kesemua mesyuarat pertama setiap penggal, dari penggal satu hingga kelima dipilih sebagai sampel kajian. Dewan Rakyat Ke-13 dipilih kerana ketika kajian ini dilaksanakan, ianya merupakan antara penggal yang terkini mempunyai statistik penyertaan wanita paling tinggi dalam sejarah persidangan Dewan Rakyat.

Proses pengekodan Persidangan Parlimen Ke-13 dibahagikan kepada dua sesi utama iaitu Pertanyaan kepada Menteri (PkM) dan usul. Pada setiap sesi, ahli Parlimen dikodkan mengikut parti masing-masing. Selepas itu, di bawah tajuk ahli Parlimen pula, terdapat beberapa tema utama iaitu wanita, pembangunan, kebajikan, alam sekitar dan ekonomi. Tema ini wujud berdasarkan topik-topik yang telah dibahaskan di Dewan Rakyat tersebut.

Di bawah tema isu wanita, ianya melibatkan dua perkara iaitu isu tradisional dan isu feminis. Isu tradisional meliputi kepentingan berkaitan kebajikan keluarga dan kanak-kanak; manakala isu feminis pula melibatkan perkara yang memberikan kesan secara langsung terhadap wanita (Dodson & Carroll, 1991). Bagi kajian ini, “isu wanita” ditakrifkan seperti mana kajian lepas oleh Reingold

*Rosyidah Muhamad et al.*

(2000) yang menggabungkan isu wanita tersebut kepada tiga kriteria iaitu wanita, keluarga dan kanak-kanak.

Oleh itu dalam kajian ini, semua perkara yang menyebut secara spesifik berkaitan wanita, keluarga dan kanak-kanak dikodkan di bawah isu wanita. Selain isu wanita, hal-hal lain seperti isu parti, negara dan pelbagai perkara lagi yang turut dibincangkan oleh ahli Parlimen wanita juga dikodkan. Perbincangan tentang isu-isu wanita oleh ahli Parlimen lelaki turut dikodkan. Matlamatnya adalah bagi melihat jika ada mana-mana ahli Parlimen lelaki yang cakna berkenaan dengan isu wanita. Selain itu juga, apa sahaja yang dibahaskan serta dinyatakan oleh semua ahli Parlimen wanita (pertanyaan, cadangan, kritikan atau pernyataan) juga dikodkan.


Selain analisis teks Penyata Rasmi Parlimen, kaedah temu bual juga dilakukan untuk menyokong dapatan kajian ini. Kaedah persampelan bertujuan digunakan. Seramai lima orang ahli Parlimen wanita ditemu bual berdasarkan kriteria penglibatan aktif dan pengalaman mereka dalam Dewan Rakyat serta kesediaan mereka untuk ditemu bual. Temubual separa berstruktur dilaksanakan dengan menyediakan soalan utama berkaitan matlamat yang ingin dicapai sebagai seorang ahli Parlimen wanita dan beberapa soalan susulan ditanya berdasarkan jawapan infoman. Temu bual telah direkodkan dan transkripsi temu bual dihasilkan. Hasil temu bual membolehkan penerokaan terhadap matlamat mereka

sebagai ahli Parlimen wanita dikenalpasti dan seterusnya untuk mengukuhkan lagi dapatan hasil kajian daripada analisis dokumen Hansard.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Sesi Pertanyaan kepada Menteri (PkM)**

Sesi PkM ialah satu sesi yang memberi peluang kepada ahli Parlimen untuk mengemukakan soalan kepada pihak menteri. Mereka mengajukan pertanyaan masing-masing untuk dijawab secara lisan oleh para menteri, timbalannya atau setiausaha parlimen yang berkaitan (Chamil, 2009).



Rajah 1: Isu yang Dibawa oleh Ahli Parlimen Wanita semasa Sesi Pertanyaan Kepada Menteri



*Rosyidah Muhamad et al.*

Semasa sesi PkM dalam Persidangan Parlimen Ke-13, sebanyak 1191 soalan dikemukakan dalam tempoh kajian ini. Sebanyak 135 soalan datang daripada ahli Parlimen wanita dan 1056 soalan daripada ahli Parlimen lelaki. Hanya 11.3% daripada keseluruhan soalan yang dikemukakan dalam Dewan Rakyat adalah daripada ahli Parlimen wanita. Ini juga hampir selari dengan bilangan ahli Parlimen wanita yang hanya berjumlah 10.36% di Dewan Rakyat.

Rajah 1 menunjukkan isu-isu yang dibincangkan oleh ahli Parlimen wanita dalam Dewan Rakyat. Berikut ialah kekerapan isu yang dibincangkan ketika sesi pertanyaan menteri iaitu isu pembangunan (27); kebajikan (27); wanita (21); negara (20); pendidikan (15); ekonomi (13); dan alam sekitar (12). Isu wanita berada di tangga ketiga paling banyak dibincangkan oleh ahli Parlimen wanita. Ia bertepatan dengan hasil temu bual yang diperoleh apabila ahli Parlimen wanita mengakui bahawa mereka memberikan keutamaan kepada hal-hal berkaitan dengan rakyat secara umum seperti pembangunan dan kebajikan rakyat dan tidak spesifik terhadap isu-isu wanita sahaja. Temu bual bersama beberapa ahli Parlimen (AP) wanita ini jelas membuktikan tindakan mereka di Dewan Rakyat. Mereka menyatakan peranan mereka adalah untuk bersuara dalam Dewan Rakyat demi kepentingan rakyat secara amnya dan kawasan yang diwakilinya secara spesifik.

“Peranan kita di peringkat dewan rakyat bermakna kita bersuara  
apa jua isu kepentingan kawasan kita, kepentingan rakyat

tempatan, kepentingan kerajaan negeri” (Temubual bersama AP01, Hotel Permai Inn, 6 Julai 2018)

Ahli Parlimen yang lain iaitu AP02, AP04 dan AP05 juga menyatakan matlamat yang sama sebagai perwakilan adalah untuk mewakili harapan rakyat. Matlamat utama mereka adalah menggubal dasar di peringkat nasional demi kepentingan rakyat.

Ia sama dengan yang didakwa oleh Norris, C. (1996: 7), “hanya dua atau tiga ahli politik wanita sahaja secara spontan menyatakan ingin membawa isu-isu wanita berkaitan secara khusus...” selebihnya menyatakan bahawa mereka berhasrat mewakili semua rakyat. Sharifah Syahirah (2010:27) juga menegaskan bahawa keutamaan ahli-ahli Parlimen wanita sepatutnya lebih meluas dan bukan hanya ingin memajukan kaum wanita sahaja. Menurut beliau, dari perspektif feminisme, pelantikan pemimpin-pemimpin wanita ini adalah berbentuk marginalisasi dan stereotaip yang menggambarkan seolah-olah pemimpin wanita tidak berupaya untuk memikul tanggung jawab lain. Tambahan lagi, sistem kepartian yang didominasi oleh golongan lelaki menyebabkan keutamaan gender hanyalah minimum (Mohammed Agus et al., 2016). Ahli Parlimen wanita perlu membuktikan bahawa mereka mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah politik yang tidak hanya berkaitan dengan gender demi memastikan mereka boleh mempertahankan kedudukan dalam parti (Nor Rafidah et al., 2017). Walau

*Rosyidah Muhamad et al.*

bagaimanapun, hal ini hanyalah matlamat secara langsung sahaja bagi ahli Parlimen wanita demi memastikan kelangsungan jawatan perwakilan yang mereka pegang.

Kajian oleh Ummu Atiyah (2019) menunjukkan walaupun terdapat ahli parlimen wanita kurang gemar untuk dikaitkan dengan isu wanita, tetapi mereka tetap merasakan mewakili wanita adalah satu kewajipan moral ke atas mereka kerana tidak semua wanita mempunyai peluang bercakap di parlimen. Maka ini adalah menjadi tugas mereka untuk mewakili suara wanita. Selain itu, ahli Parlimen wanita juga menyedari bahawa ahli Parlimen wanita mempunyai jumlah yang sedikit berbanding dengan ahli Parlimen lelaki. Jadi ianya menjadi tanggungjawab ahli Parlimen wanita untuk membawa isu-isu wanita di Dewan Rakyat (Temubual bersama AP04, 12 Januari 2018). Ini juga jelas sepertimana diperkatakan oleh ahli Parlimen wanita -AP01,

“Kita perlu memartabatkan wanita. Saya nak wanita itu dimartabatkan...suara wanita itu perlu didengar kerana separuh dari rakyat Malaysia adalah wanita...jadi suara wanita itu penting” (Temubual bersama ahli Parlimen wanita AP01, 6 Julai 2018)

Ini membuktikan bahawa politik kehadiran itu penting bagi memastikan kepentingan wanita dibincangkan dalam Dewan Rakyat. Sepertimana dalam kajian ini, ahli Parlimen wanita mengatakan bahawa mereka bukan hanya untuk mewakili isu wanita sahaja tetapi mereka juga mengutarakan isu-isu setempat kawasan mereka seperti isu pembangunan dan kebajikan. Akan tetapi, pada masa yang sama, isu wanita juga mencatat tempat ketiga tertinggi diutarakan oleh ahli Parlimen wanita. Ini jelas terbukti, kehadiran ahli Parlimen wanita amatlah penting sebagai wakil atau advokasi yang penting utk mewakili (*stand for*) dan bertindak (*act for*) untuk wanita secara umum. Ini adalah konsisten dengan hujah yang dibuat oleh Anne Philips (1998) mengenai politik kehadiran di mana sesuatu kumpulan itu berhak untuk diwakili kerana mereka mempunyai identiti, kehendak dan matlamat yang tersendiri.

Seterusnya, analisis yang dibuat semasa sesi PkM juga menunjukkan 78% atau 18 daripada 23 orang ahli Parlimen wanita berbahas mengenai pelbagai isu seperti pembangunan, kebajikan, ekonomi, wanita, politik dan alam sekitar. Lima atau 22% daripada 23 orang ahli Parlimen wanita tidak berbahas atau bersuara dalam mana-mana isu ketika sesi soal jawab. Lima orang ahli Parlimen wanita tersebut adalah daripada BN. Seramai 18 orang ahli Parlimen wanita yang berbahas semasa sesi PkM adalah daripada pecahan parti pemerintah, BN iaitu seramai lapan orang dan parti pembangkang seperti DAP (4), PKR (4), PAS (1) serta AMANAH (1). Walaupun parti pembangkang mempunyai jumlah ahli

*Rosyidah Muhamad et al.*

Parlimen wanita yang kurang berbanding BN, namun semua (100%) ahli Parlimen wanita daripada parti itu bersuara dalam Dewan Rakyat. Keadaan ini juga bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Ummu Atiyah (2019) pada Parlimen ke -12, ahli Parlimen wanita daripada parti pembangkang DAP menjadi ahli Parlimen yang paling kerap menyuarakan isu-isu wanita dalam Dewan Rakyat. Kecenderungan ini berkemungkinan kerana Dewan Rakyat merupakan arena yang “paling terbuka” untuk parti pembangkang berhujah bagi menunjukkan kelemahan polisi dan pelaksanaan pihak kerajaan.

Ahli Parlimen wanita juga kritikal terhadap parti sendiri. Ahli Parlimen wanita tersebut iaitu Noraini Ahmad dari parti kerajaan BN. Beliau telah mengutarakan isu wanita sebanyak sembilan kali. Antara isu-isu wanita yang kerap disuarakan oleh beliau antaranya berkenaan isu usahawan wanita (DR13 PG1 MESY1 01.07.2013 M/S19) dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Beliau juga banyak mempersoalkan isu melibatkan golongan ibu tunggal (DR13 PG2 MESY1 19.03.2014 M/S25; DR13 PG2 MESY1 25.03.2014 M/S20). Isu tersebut adalah usaha membantu golongan ibu tunggal miskin terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Beliau mempersoalkan usaha kementerian berkaitan pendaftaran ibu tunggal miskin. Beliau seterusnya mempersoalkan peruntukan khusus untuk ibu tunggal yang mempunyai anak ramai di bawah Skim MyHome (DR13 PG2 MESY1 25.03.2014 M/S20).

Selain ibu tunggal, isu yang kerap muncul adalah berkaitan dengan kanak-kanak. Norani Ahmad juga kerap menyuarakan isu kehilangan kanak-kanak (DR13 PG5 MESY1 03.04.2017 M/S2) dan isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak (DR13 PG5 MESY1 03.04.2017 M/S3). Beliau memohon agar dinyatakan statistik terkini bagi jumlah kanak-kanak yang hilang dari tahun 2016 sehingga kini serta status terbaharu tentang ancaman pedofilia di Malaysia. Beliau juga memohon penjelasan tentang usaha kerajaan dalam memerangi jenayah seksual kanak-kanak dalam siber dan rang undang-undang berkaitan agar masalah gangguan seksual itu mampu dibanteras dan dihapuskan. Tindakan Noraini ini telah menunjukkan bahawa ahli Parlimen wanita sanggup kritikal terhadap parti sendiri apabila menyuarakan isu berkenaan wanita. Disiplin parti tidak begitu dihiraukan di sini walaupun ahli Parlimen wanita tersebut mengutarakan aspek yang boleh menunjukkan kelemahan pihak kerajaan atau parti beliau sendiri-BN. Pada masa sama, proses advokasi juga menjadi kuat kerana beliau berada di pihak parti kerajaan.

Begitu juga dengan beberapa ahli Parlimen wanita lain seperti Kasthuriraani Patto (DAP), Alice Lau Kiong Yieng (DAP), Rubiah Wang (BN) dan Siti Zailah Mohd Yusoff (PAS) yang masing-masing membahaskan isu kanak-kanak semasa sesi PkM. Ahli Parlimen Batu Kawan, Kasthururaani Patto mengemukakan isu wanita melibatkan kanak-kanak bawah umur. Beliau memohon penjelasan pihak kerajaan berkaitan cadangan menghentikan

penukaran agama secara unilateral bagi kanak-kanak bawah umur (DR13 PG4 MESY1 09.03.2016 M/S14). Kadang kala, tanpa *critical mass*, tetapi dengan beberapa aktor kritikal, perwakilan isu wanita di Parlimen juga mampu memberi kesan positif.

Jadual 2: Topik Isu Wanita dalam sesi Pertanyaan Kepada Menteri

	Wanita		Lelaki	
	%	Kekerapan	%	Kekerapan
Ekonomi wanita	56	18	7.1	2
Isu Politik & Pentadbiran wanita	6.2	2	-	-
Ibu Tunggal	12.5	4	7.1	2
Keganasan terhadap wanita	3.1	1	7.1	2
Kanak-kanak	28.1	9	71.4	20
Keluarga	6.25	2	7.1	2
Total	100	<b>32</b>	<b>100</b>	<b>28</b>

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan perbandingan kekerapan antara ahli Parlimen wanita dan lelaki yang membahaskan isu wanita ketika berlangsungnya sesi PkM. Berdasarkan jadual tersebut, ia menunjukkan bahawa ahli Parlimen wanita mendominasi dalam bertanya soalan berkaitan isu wanita ketika sesi PkM di Dewan Rakyat. Walaupun jumlah bilangan ahli Parlimen wanita yang berbahas semasa sesi PkM mengenai isu wanita ialah sembilan orang daripada 18 orang ahli Parlimen wanita yang berbahas bagi keseluruhan isu dan ahli Parlimen lelaki

yang membahaskan isu sama pula ialah seramai 24 orang; namun dari segi kekerapan, ahli Parlimen wanita lebih dominan.

Kajian ini juga melihat dengan lebih terperinci berkenaan topik isu wanita yang dibincangkan semasa PkM antara ahli Parlimen wanita dan ahli Parlimen lelaki. Berdasarkan Jadual 3, topik yang paling tinggi perhatian oleh ahli Parlimen lelaki semasa sesi PkM ialah topik kanak-kanak. Antara persoalan yang sering dipertanyakan berkenaan topik kanak-kanak ialah mengenai kanak-kanak yang dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk dijadikan peminta sedekah (DR13 PG1 MESY1 M/S15); penderaan kanak-kanak (DR13 PG5 MESY1 M/S25); dan pendidikan kanak-kanak. Kekerapan topik kanak-kanak adalah tinggi bagi ahli Parlimen lelaki (20) berbanding dengan ahli Parlimen Wanita (9). Ini berkemungkinan adalah berkaitan dengan topik kanak-kanak merupakan topik yang tidak secara spesifik menyentuh berkaitan dengan wanita dan ahli Parlimen lelaki merasakan menjadi tanggungjawab mereka sebagai 'bapa' untuk berbahas berkaitan topik ini dengan lebih kerap. Tambahan lagi, menurut Evan (2012), menjadi kelaziman bagi ahli Parlimen lelaki kurang berbahas berkaitan topik dalam isu wanita jika topik tersebut sudah banyak kali dibahaskan oleh ahli Parlimen wanita.

Topik ekonomi wanita merupakan keutamaan bagi ahli Parlimen wanita dalam sesi PkM ini. Ahli Parlimen wanita banyak mengutarakan cara-cara untuk




*Rosyidah Muhamad et al.*

memperkasakan usahawan daripada golongan itu agar mereka mampu untuk berdikari. Walau bagaimanapun, ahli Parlimen lelaki cuma menunjukkan minat yang sedikit apabila mereka hanya bertanya sebanyak dua kali sahaja berkenaan dengan topik ekonomi wanita. Selain itu, topik berkaitan politik dan pentadbiran golongan wanita juga tidak mendapat perhatian daripada ahli Parlimen lelaki. Ia berkemungkinan kerana ahli Parlimen lelaki merasakan golongan wanita lebih sesuai untuk berhujah tentang topik berkenaan yang secara khusus berkaitan dengan wanita.

Oleh itu, berdasarkan perbincangan mengenai isu wanita, ahli Parlimen wanita dan lelaki secara amnya mengambil berat terhadap isu-isu tersebut walaupun peratusan jumlah ahli Parlimen wanita dan lelaki yang mewakili isu itu berbeza. Peratusan jumlah kekerapan yang melebihi ahli Parlimen lelaki menunjukkan ahli Parlimen wanita lebih serius dalam membahaskan isu wanita dan seterusnya mampu untuk memberi impak dalam Dewan Rakyat.

### **Sesi Usul**

Sesi usul merupakan sesi yang kedua diadakan selepas sesi soal jawab. Ia mempunyai tempoh masa yang lebih panjang berbanding dengan sesi PkM. Sesi usul ialah sesi untuk membincangkan sesuatu cadangan daripada seseorang ahli Dewan Rakyat sebelum diputuskan oleh Parlimen Malaysia.



Rajah 2: Keseluruhan Isu yang Dibawa oleh Ahli Parlimen wanita Sesi Usul

Dalam tempoh kajian ini, sebanyak 1030 usul telah dibawa oleh ahli Parlimen semasa persidangan. Sebanyak 893 atau 87% daripada 1030 usul dibawa oleh ahli-ahli Parlimen lelaki dan 137 (13%) usul lagi dibawa oleh ahli Parlimen wanita untuk dibahaskan. Rajah 2 menunjukkan keseluruhan isu yang dibahaskan ketika sesi usul oleh ahli Parlimen wanita. Pada sesi tersebut, ahli Parlimen wanita membawakan banyak usul mengenai isu wanita iaitu sebanyak 38 usul, isu kebajikan (23); isu pembangunan (20); isu negara (18); isu pendidikan (14); isu ekonomi (12); dan isu alam sekitar (7). Bilangan isu wanita (38) yang dibangkitkan adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan isu lain yang dibawa oleh ahli Parlimen wanita.

*Rosyidah Muhamad et al.*

Dalam sesi usul, seramai 18 atau 74% daripada 23 orang ahli Parlimen wanita berbahas tentang pelbagai isu dalam Dewan Rakyat semasa tempoh kajian. Semua ahli Parlimen wanita (100%) daripada parti pembangkang iaitu PKR, DAP, PAS dan AMANAH telah menyertai perbahasan dalam sesi usul; manakala tujuh orang atau 54% daripada 13 ahli Parlimen wanita daripada BN yang berhujah semasa sesi usul. Enam orang ahli Parlimen wanita daripada BN tidak berhujah atau bersuara semasa sesi usul. Di sini jelas menunjukkan ahli Parlimen wanita daripada parti pembangkang lebih agresif dalam membawa usul dan seterusnya berbahas mengenainya berbanding dengan ahli Parlimen wanita kerajaan, sepertimana sesi PkM. Mereka masih memaksimumkan penggunaan arena Dewan Rakyat untuk berbahas demi kepentingan rakyat. Mereka menyedari tentang pentingnya keberadaan mereka di parlimen bagi melakukan perubahan yang memberi kebaikan kepada wanita. Selain itu, ahli Parlimen wanita terutama daripada parti pembangkang mempunyai hubungan yang baik dan sering berkolaborasi dengan NGO. Hubungan ini mampu memberi maklumat yang diperlukan oleh ahli Parlimen wanita tentang realiti kehidupan masyarakat terutama wanita. Malah, mereka juga merupakan sebahagian daripada NGO tersebut seperti Teresa Kok yang menubuhkan Malaysia Spring Mother Society dan P.Komala Devi menubuhkan Yayasan Sosial Wanita (Ummu Atiyah, 2019). NGO juga merupakan salah satu sumber sokongan yang penting di luar parlimen kepada ahli Parlimen wanita (Welsh, 2019; Ummu Atiyah, 2019; Maznah 2018).

Sama seperti sesi PkM, ahli Parlimen wanita yang dominan dalam sesi usul ialah Noraini Ahmad daripada parti BN. Beliau telah membawa sebanyak 27 usul semasa sesi usul berbanding dengan ahli Parlimen wanita lain. Ahli Parlimen wanita yang kedua paling banyak membawa usul ialah Siti Zailah Mohd Yusoff iaitu sebanyak 18 usul.

Jadual 3: Topik Isu Wanita dalam Sesi Usul

	Wanita		Lelaki	
	%	Kekerapan	%	Kekerapan
Ekonomi & pekerjaan wanita	26	22	21	12
Politik & Pentadbiran wanita	18	16	7	4
Ibu Tunggal	11	10	14	8
Keganasan terhadap wanita	14	12	4	2
Kanak-kanak	21	18	32	18
Keluarga	10	9	23	13
Total	<b>100</b>	<b>87</b>	<b>100</b>	<b>57</b>

Jadual 3 menunjukkan perbandingan kekerapan antara ahli Parlimen wanita dan lelaki yang berbahas mengenai isu wanita. Seramai 13 orang ahli Parlimen wanita dan 25 orang ahli Parlimen lelaki berhujah mengenai isu wanita. Walaupun bilangan ahli Parlimen lelaki yang bersuara mengenai isu wanita adalah seramai 25 orang berbanding dengan 13 orang ahli Parlimen wanita; tetapi dari segi peratusan bilangan ahli Parlimen wanita, ia jauh lebih tinggi. Sebanyak 57%

*Rosyidah Muhamad et al.*

daripada jumlah keseluruhan ahli Parlimen wanita bersuara mengenai isu wanita. Manakala 13% daripada jumlah ahli Parlimen lelaki bersuara mengenai isu tersebut di Dewan Rakyat.

Dari segi kekerapan berbahas juga menunjukkan ahli Parlimen wanita masih lagi di hadapan iaitu sebanyak 87 kali berbahas berbanding 57 kali bagi ahli Parlimen lelaki. Hal ini menunjukkan ahli Parlimen wanita masih dominan dalam membahaskan usul mengenai isu wanita. Ia selaras dengan kajian-kajian lepas (Saint-Germain, 1989; Tremblay, 1998; Trimble & Arscott, 2003; Wanganerud, 2001; Fokum, 2020) di negara-negara barat yang menunjukkan ahli Parlimen wanita lebih kerap membahaskan isu-isu wanita walaupun bilangan mereka adalah sedikit. Ia menunjukkan bahawa walaupun hanya 10.36% ahli Parlimen wanita di Dewan Rakyat, mereka mampu bertindak untuk mewakili isu wanita.

Jadual 3 juga menunjukkan bahawa ahli Parlimen lelaki tidak menjadikan isu berkait langsung wanita sebagai fokus utama dalam perbahasan mereka. Topik utama yang dibahaskan oleh ahli Parlimen lelaki sama juga seperti pada sesi PkM iaitu mengenai isu kanak-kanak. Ahli Parlimen lelaki lebih prihatin terhadap topik kanak-kanak berbanding dengan topik yang berkait secara langsung dengan wanita. Isu keganasan terhadap wanita paling kurang mendapat perhatian dalam kalangan ahli Parlimen lelaki. Kebanyakan ahli Parlimen lelaki yang terlibat dalam sesi ini lebih banyak menyampuk ketika sesi usul berkenaan isu wanita dibahaskan oleh ahli Parlimen lain. Ahli Parlimen lelaki juga kurang membantu

dalam membawa isu-isu yang berkait secara langsung dengan wanita (Temubual dengan AP01, 6 Julai 2018).

Topik isu wanita yang paling banyak dibahaskan oleh ahli Parlimen wanita ialah berkaitan ekonomi dan pekerjaan wanita. Usul berkenaan isu ini banyak dibawa oleh ahli Parlimen wanita daripada parti BN iaitu Noraini Ahmad. Beliau mengusulkan agar program-program berbentuk digital seperti *Malaysian Business Online* (GMBO) dipergiatkan promosinya untuk membantu golongan usahawan wanita. Aktiviti keusahawanan berupaya merubah struktur sosial masyarakat melalui penyediaan peluang pekerjaan di samping mengurangkan masalah kemiskinan terutama dalam kalangan golongan ibu tunggal (DR13 PG1 MESY1 03.07.2013 M/S80). Sebagai seseorang yang pernah memegang jawatan sebagai Ketua Puteri UMNO pada tahun 2004, beliau telah menggunakan pengalaman tersebut untuk memperjuangkan kaum wanita semasa berbahas dan membawa usul mengenai isu wanita.

Peratusan jumlah perbahasan topik kanak-kanak oleh ahli Parlimen wanita adalah yang kedua tertinggi. Ahli Parlimen wanita tunggal daripada parti pembangkang, PAS iaitu Siti Zailah Mohd Yusoff kerap menggunakan peluang dan pengalaman beliau dalam PAS untuk memperjuangkan isu mengenai taman asuhan kanak-kanak atau taska iaitu berhubung kurikulum kesihatan dan pemantauan ke atas tempat asuhan tersebut (DR13 PG4 MESY1 23.03.2016 M/S40). Pada sesi usul

*Rosyidah Muhamad et al.*

ini, Siti Zailah Mohd Yusoff banyak menyuarakan isu berkaitan kemudahan taska untuk kanak-kanak yang berada di bawah kelolaan pihak kerajaan (DR13 PG1 MESY1 10.07.2013 M/S7). Dalam usulnya, beliau memohon penjelasan berkenaan jumlah taska kelolaan kerajaan yang dilaksanakan selain bilangan kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai kemudahan itu. Kemudian, ketika penggal keempat iaitu pada tahun 2016, beliau sekali lagi mengemukakan usul yang sama mengenai taska bagi menempatkan anak-anak wanita berkerjaya termasuk mempersoalkan kerajaan yang tidak menyediakan kemudahan tersebut di tempat kerja.

Secara amnya, berdasarkan analisis aktiviti di Dewan Rakyat iaitu semasa sesi PkM dan sesi usul, indikator menunjukkan bahawa ahli Parlimen wanita secara substantif menyokong isu wanita. Isu berkenaan banyak dibawa dan dibahaskan oleh ahli Parlimen wanita semasa sesi PkM dan juga sesi usul untuk menarik perhatian tentang isu wanita di Dewan Rakyat. Pada masa sama, kajian ini juga menunjukkan bahawa isu wanita kurang mendapat perhatian dan masih menjadi isu marginal, khususnya dalam kalangan ahli Parlimen lelaki dalam Dewan Rakyat. Ahli Parlimen lelaki lebih memilih untuk membawa usul berbentuk *hard policy* seperti isu keselamatan, isu antarabangsa dan isu politik negara. Ahli Parlimen wanita lebih bersemangat membahaskan isu wanita semasa sesi usul. Ahli Parlimen lelaki seolah-olah banyak menyerahkan isu wanita kepada ahli Parlimen wanita sahaja untuk dibahaskan. Oleh itu, ahli Parlimen wanita lebih

menjurus untuk menggunakan Dewan Rakyat bagi membahaskan isu tersebut berbanding ahli Parlimen lelaki.

Walaupun begitu, kajian ini juga mendapati usaha yang dilakukan oleh ahli parlimen wanita dalam memartabatkan isu wanita di Dewan Rakyat masih terbatas. Ini adalah kerana tidak semua ahli parlimen wanita memberikan komitmen yang sama dalam mengutarakan isu-isu berkaitan dengan wanita. Terdapat juga di kalangan ahli parlimen wanita yang tidak mengutarakan langsung isu yang berkaitan dengan wanita. Oleh itu, amatlah penting juga untuk menonjolkan ahli parlimen wanita yang lebih sensitif gender bagi memperkukuhkan lagi perwakilan substantif wanita di parlimen. Ahli parlimen wanita yang sebegini adalah penting di dalam Parlimen kerana tidak semua ahli parlimen wanita menjadi advokasi isu wanita yang kuat dan meyakinkan. Mereka inilah yang menjadi aktor kritikal (Ummu Atiyah, 2019) dan tanpa aktor kritikal sepertimana yang dilakukan oleh sesetengah ahli Parlimen wanita seperti Noraini Ahmad dan Siti Zailah Mohd Yusoff, agak sukar untuk menjadikan isu wanita didengari di Dewan Rakyat. Ianya menjadi satu bonus sekiranya aktor kritikal berada di dalam jumlah yang ramai (critical mass) kerana impak akan menjadi lebih kukuh dalam menghasilkan lebih banyak polisi mesra wanita.

Ahli-ahli parlimen yang dikategorikan sebagai aktor kritikal telah menggunakan sesi dewan sebaik mungkin untuk memartabatkan isu wanita. Sebagai contoh,



*Rosyidah Muhamad et al.*

Siti Zailah Mohd Yusoff (PAS) telah memperjuangkan secara konsisten tentang isu kemudahan taska di tempat kerja. Sejak penggal pertama Parlimen pada tahun 2013, beliau telah aktif membahaskan topik berkaitan isu taska sehinggalah penggal keempat iaitu pada tahun 2016, beliau masih lagi membahaskan isu sama khusus bagi kemudahan ibu-ibu berkerjaya. Noraini Ahmad (UMNO) juga merupakan ahli Parlimen wanita yang paling kerap membahaskan isu wanita sama ada dalam sesi PKM ataupun sesi usul, terutama berkaitan dengan ekonomi wanita di samping isu-isu berkaitan dengan ibu tunggal. Kesungguhan beliau dalam membahaskan isu dalam Dewan Rakyat menyebabkan pelantikannya sebagai Menteri Pendidikan semasa Persidangan Parlimen ke-14 adalah sebagai sesuatu yang tidak menghairankan. Seterusnya, Kasthuriraani Patto (DAP), Alice Lau Kiong Yieng (DAP) dan Rubiah Wang (BN) juga adalah antara ahli Parlimen wanita yang boleh dianggap sebagai aktor kritikal. Mereka telah berulang kali membahaskan isu wanita berserta dengan pelbagai hujah demi memartabatkan wanita.

Sepertimana perbincangan sebelum ini, isu berkaitan wanita sering kali dianggap sebagai topik remeh dan marginal semasa perbahasan. Tanpa usaha daripada aktor kritikal, isu wanita tidak dapat diselesaikan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa ahli Parlimen wanita juga kritikal terhadap parti sendiri. Sementara itu, ahli Parlimen lelaki pula sekadar menyampuk sahaja dalam perbahasan mengenai isu wanita dan tidak dilihat dapat memberikan kesan substantif walaupun ramai

daripada mereka yang bercakap mengenai isu tersebut. Situasi ini menunjukkan ahli Parlimen wanita merupakan advokasi yang diperlukan dalam mengetengahkan isu wanita di parlimen. Mereka membahaskan isu wanita dengan bersungguh-sungguh dan berulang kali bagi memastikan isu wanita didengari. Sepertimana Philips (1998) menegaskan bahawa ahli Parlimen wanita merupakan advokasi terbaik bagi mewakili isu wanita.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menganalisis peranan ahli Parlimen wanita dalam mengetengahkan isu-isu wanita berdasarkan kerangka kajian teori perwakilan oleh Pitkin (1967) dan politik kehadiran oleh Philips (1998). Dapatan-dapatan kajian menerusi analisis Penyata Rasmi Parlimen Ke-13 (2013–2017) menunjukkan ahli Parlimen wanita lebih aktif menyuarakan isu wanita berbanding dengan ahli Parlimen lelaki. Meskipun jumlah mereka adalah sedikit iaitu 10.36 % iaitu 23 daripada 222 orang ahli Dewan Rakyat, mereka mampu bersuara berkenaan isu-isu wanita. Ahli Parlimen wanita lebih berkesan dalam membawa isu kepentingan wanita, keluarga dan kanak-kanak kerana kesemua golongan itu lebih dekat dengan sifat serta kehidupan wanita. Hal ini juga bersesuaian dengan apa yang dibahaskan oleh Pitkin iaitu seseorang perwakilan cenderung untuk membahaskan atau mewakili golongan yang mempunyai pertalian atau persamaan karakter dengan mereka. Ia turut selari dengan apa yang dinyatakan oleh Philips (1998) iaitu

*Rosyidah Muhamad et al.*

wanita ialah advokasi terbaik untuk golongan mereka sendiri kerana wanita lebih memahami pengalaman hidup yang dialami oleh kumpulan tersebut.

Teori perwakilan substantif dan politik kehadiran adalah saling berhubung kait bagi membolehkan kepentingan wanita diketengahkan di Dewan Rakyat. Ahli Parlimen wanita terbukti mampu membawa isu wanita dengan berkesan bukan sahaja kerana kesungguhan dan kekerapan membangkitkan isu tersebut, malah, kritikal pada parti sendiri dalam membangkitkan isu-isu wanita di negara ini. Ahli Parlimen wanita terbukti telah menjadi aktor kritikal di Dewan Rakyat mengenai isu-isu wanita berbanding dengan ahli Parlimen lelaki. Walaupun ahli Parlimen wanita tidak menjadikan isu wanita sebagai keutamaan mereka tetapi tidak dapat disangkal bahawa keprihatinan mereka adalah melebihi ahli Parlimen lelaki. Ahli parlimen lelaki kurang beradvokasi dan tidak serius dalam membawa isu wanita. Oleh itu, walaupun tanpa 'critical mass', isu wanita tetap menonjol di Dewan Rakyat dengan kewujudan aktor kritikal. Dengan kewujudan aktor ini, isu dan kepentingan wanita berjaya dibentangkan dan diusulkan di Dewan Rakyat.

Walaupun sasaran minimum 30% bagi bilangan wanita sebagai perwakilan dalam Parlimen Malaysia tidak dipenuhi mengikut saranan oleh PBB, tindakan substantif wanita dalam Dewan Rakyat masih mampu untuk memberikan impak kepada negara. Bilangan ahli Parlimen wanita perlu ditambah bagi memberikan keadilan kepada golongan yang merangkumi hampir separuh daripada jumlah

keseluruhan penduduk negara ini. Ahli Parlimen wanita sudah terbukti sebagai perwakilan *all rounders* yang mampu menetengahkan pelbagai isu dalam negara dan antarabangsa dengan baik. Demi memastikan peningkatan ahli Parlimen wanita dalam Dewan Rakyat, sistem kuota 30% untuk golongan itu patut diterapkan dalam parti politik ketika pencalonan pilihan raya seperti yang dilaksanakan di Filipina dan Indonesia. Parti-parti politik perlu mengambil perhatian mengenai strategi pencalonan demi menggalakkan lagi wanita bertanding dalam pilihan raya di Malaysia. Parti-parti politik sepatutnya menyedari bahawa jumlah keseluruhan pengundi di Malaysia terdiri daripada 49% wanita dan mereka merupakan kumpulan pengundi atas pagar (Mohammad Agus, 2016). Sehubungan dengan itu, parti politik sepatutnya mengambil peluang dengan meletakkan calon wanita dalam pilihan raya kerana ia mungkin berupaya untuk mempengaruhi undi daripada wanita, seterusnya mampu untuk membawa perubahan dalam politik dan pentadbiran negara.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan *Fundamental Research Grant* (FRGS Vot-59412) dibawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertajuk "Pembentukan model penilaian prestasi ahli Parlimen Malaysia". Penulis merakamkan penghargaan kepada KPT atas pemberian dana

Rosyidah Muhamad et al.

ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat pembantu penyelidik - Ain Syazwany bt Abdul Rashid.

## RUJUKAN

- Aspinall, E. 2014. "Parliament and Patronage." *Journal of Democracy* 25 (4): 96– 110.
- Bowen, G.A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative research journal*, 9 (2): 27-40
- Case, W. 2001. Malaysia's Resilient Pseudodemocracy. *Journal of Democracy*, 12(1): 43-57
- Celis, K., Childs, S., Kantola, J., & Krook, M. L. 2008. Rethinking women's substantive representation. *Representation*, 44(2): 99–110.
- Chamil, W. D. 2009. *Parlimen Malaysia: Perjalanan badan perundangan persekutuan*. Petaling Jaya, Selangor: Media Global Matrix Sendirian Berhad.
- Dahlerup, D. 2006. The story of the theory of critical mass. *Politics & Gender*, 2(4): 511–522.
- Dingler, S., Krocber, C., & Fortin-Rittberger, J. 2019. Do Parliaments Underrepresent Women's Policy Preferences?. *Journal of European Public Policy*. 26(2): 302-321
- Dodson, D. L., & Carroll, S J. 1991. *Reshaping the Agenda: Women in State Legislatures*: Report: Center for the American Woman and Politics (CAWP) Eagleton Institute of Politics. Rutgers, the State University of New Jersey.

- Evans, E. 2012. From Finance to Equality: The Substantive Representation of Women's Interest by Men and Women MPs in the House of Common. *Representation*. 48 (2): 183-196
- Fokum, V.Y., Fonjong, L.N. & Adams, M.J. 2020. Increasing women's representation in the Cameroon parliament: Do numbers really matter? *Women's Studies International Forum*, 80.
- Galligan, Y.& Clavero, S. 2008. Prospects for Women's Legislative Representation in Post Socialist Europe: The views of female politicians. *Gender & Society* 22 (2): 149–171. <https://doi.org/10.1177%2F0891243207312268>
- Inter-Parliamentary Union (IPU), 2020, Women in parliament: 1995–2020 - 25 years in review. <https://www.ipu.org/resources/publications/reports/2020-03/women-in-parliament-1995-2020-25-years-in-review>
- Kernell, Samuel. 1977. Presidential popularity and negative voting: an alternative explanation of the mid-term congressional decline of the president's party. *American Political Science Review* 71 (March 1977): 44–66
- Krook, M.L. 2010. Women's Representation in Parliament: A Qualitative Comparative Analysis. *Political Studies* 58: 886–908.
- Kurebwa, J. 2015. A Review of Hanna Pitkin's (1967) Conception of Women's Political Representation, *International Journal of Science and Research*, 5 (11):50-60.
- Maznah, M. 2001. Women in the UMNO and Pas Labyrinth. In. *Risking Malaysia: culture, politics and identity*, eds. Maznah Mohamad & Wong Soak Kook., 112–118. Bangi: University Kebangsaan Malaysia Publisher.

- \_\_\_\_\_ 2018. Getting more women into politics under one-party dominance: Collaboration, clientism and coalition building in the determination of women's representation. *Southeast Asian Studies*, 7(3).
- Mohammad Agus, Y., Sarjoon, A., & Othman, S. 2016. Parliamentary democracy and representation of women: A comparative analysis of Sri Lankan and Malaysian Stances. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 5(1): 111-121
- Mustafa, K. A. 2005. Politics and the media in Malaysia. *Philippine Journal of Third World Studies*, 20(1): 25-47
- Neuendorf, K.A. 2002. Defining content analysis. *Content analysis guidebook*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Norris, P. 1996. Women Politicians: Transforming Westminster? *Parliamentary Affairs* 49 (1): 89–102
- Norris, P. & Inglehart, R. 2001. "Cultural Obstacles to Equal Representation." *Journal of Democracy* 12 (3) :126–140.
- Norris, C. 1996. *Reclaiming truth: contribution to a critique of cultural relativism*. Duke University Press.
- Nor Rafidah, S., Sity, D., & Samsudin, M. 2017. Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980–2013). *Akademika*, 87(3): 63-75. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-05>
- Paxton, P. & Hughes, M. 2007. *Women, politics and power: a global perspective*. SAGE Publications, Inc.
- Philips, A. 1998. *The politics of presence*. Oxford: Oxford University Press.
- Pitkin, H.F. 1967. *The concept of representation*. Berkeley: University of California Press.

- Prihatini, E. 2020. Islam, Parties, and Women's Political Nomination in Indonesia. *Politics & Gender*, 16(3): 637-659.
- Rashila, R. 1998. Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi calon-calon wanita. In. *Gender, Budaya Dan Masyarakat Talib*, eds. R. & Thambiah, S. Kuala Lumpur: Uniersiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2008. Pemerkasaan Wanita dalam Politik Malaysia. *Jurnal Poelitik*, 4(1): 181–194.
- Reingold, B. 2000. *Representing women: Sex, gender, and legislative behavior in Arizona and California*: University of North Carolina Press.
- Rosyidah, M. 2015. Online Opposition and Election in Malaysia. *Asian Social Sciences*. 11(10): 281-291
- Saint-Germain, M. A. 1989. Does Their Difference Make a Difference? The Impact of Women on Public Policy in Arizona Legislature. *Social Science Quarterly*. 70(4): 956-971
- Schwindt-Bayer, L., & Squire, P. 2014. Legislative Power and Women's Representation. *Politics & Gender* . 10(4): 622–658.
- Shahirah, S.S. 2010. Pemerkasaan Representasi Politik Wanita di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12). *The Journal of Administrative Science*. Vol 7 (1): 11-37
- Shin, K. 2016. *Women's Mobilizations for Political Representation in Patriarchal States: Models from Japan and South Korea*. In: Vianello M., Hawkesworth M. (eds) *Gender and Power*. Palgrave Macmillan, London.



Rosyidah Muhamad et al.

Sinar Harian. 2013. SPR: Pengundi wanita lebih ramai berbanding lelaki, April, 18, 2013.

<https://www.sinarharian.com.my/politik/spr-pengundi-wanita-lebih-ramai-berbanding-lelaki-1.151472>

Sumbas, A. 2020. Gendered local politics: the barriers to women's representation in

Turkey. *Democratization*, 27(4) : 570–587, DOI: 10.1080/13510347.2019.1706166

Tan, P.L. 2011. Beyond numbers: Women and Politics in Malaysia. In *Our lived realities*

*reading gender in Malaysia*, eds. Celilia Ng, Noraida Endut & Rashidah Shuib, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Tremblay, M. 2007. "Electoral systems and substantive representation of women: A

comparison of Australia, Canada and New Zealand." *Commonwealth & Comparative Politics* 40(3) : 278–302.

<https://doi.org/10.1080/14662040701516870>

\_\_\_\_\_.1998. Do female MPs Substantively Represent Women? A study of

Legislative Behaviour in Canada's 35<sup>th</sup> Parliament. *Canadian Journal of Political Science*, 31(3): 435-465

Trimble, L., & Arscott, J. 2003. *Still counting: Women in politics across Canada*.

University of Toronto Press.

Trimble, L. 1997. "Feminist policies in the Alberta Legislature, 1972-1994" in the

*Presence of Women: Representation and Canadian Government*, edited by Jane Arscott and Linda Trimble (pp.128-154). Toronto: Harcourt Brace.

Ummu Atiyah, A.Z. 2010. Women in the Malaysian parliament: Do they matter?

*Intellectual Discourse*, 18(2): 283–322

- ..... 2019. *Women in the House: Leadership in the Malaysian Parliament*. Kuala Lumpur. IIUM Press
- Ummu Atiyah, A. Z. & Zaireeni, A. 2017. Women Representation in the Malaysian Politics. In *Democracy at Work in Malaysia*, eds. Mohd Azizudin & Ummu Atiyah, 131–150. Sintok, Kedah: UUM PRESS.
- Wanganerud, L. 2001. Testing the politics of presence: Women's representation in the Swedish Riksdag. *Scandinavian Political Studies*, 23: 67–91.
- Welsh, B. 2019. Malaysia: Middle-Equality Trap. In Franceschet, S., Krook, M.L & Tan, N, *The Palgrave Handbook of Women's Political Rights*, (pp.331-344). Palgrave Macmillan
- Yoon, M. Y. 2004. Explaining Women's Legislative Representation in Sub-Saharan Africa. *Legislative Studies Quarterly*, 29(3), 447–66
- Zaireeni, A. 2020. Discoursing Women's Political Participation towards Achieving Sustainable Development: The Case of Women in Parti Islam Se-Malaysia (PA), *Kajian Malaysia*, 38 (1): 67–88